



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

22 Mac 2021
8 Syaban 1442h

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Rantau Abang sudah dilupakan?
Berita Harian	
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• Pencuri gamat• Didenda RM5K tipu beli kerapu hibrid
Kosmo !	
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Bekas pengurus didenda palsu dokumen beli ikan kerapu hybrid• Pesta timba ikan gamit nostalgia
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">• NGO ajak rakyat Malaysia doakan Covid-19 segera berakhir
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU				12	22/03/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY					
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI					
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL				

Rantau Abang sudah dilupakan?

Oleh ROSALINDA MD.SAID
rosalinda.said@razdianmulia.com.my

KUALA TERENGGANU: Rantau Abang yang terletak di Dungun di sini pernah mencapai zaman kegemilangannya sebagai lokasi pendaratan penyu belimbing paling popular, kira-kira 71 tahun lalu.

Sekitar tahun 1980-an, Rantau Abang menjadi destinasi pelancongan antara yang terpenting dalam negara dan ia antara enam lokasi di dunia yang dikunjungi penyu daripada spesies terbesar dengan saiz mencecah dua meter panjang dan berat sehingga 600 kilogram, dari bulan Mei hingga September saban tahun.

Mengimbau kenangan, pada 1986, Malaysia pernah menjadi tuan rumah kepada Persidangan Persatuan Pelancongan Asia Pasifik (PATA) dengan menjadikan penyu berkaca mata hitam sebagai maskot sekali gus menunjukkan betapa pentingnya penyu kepada sektor pelancongan negara.

Keistimewaan tersebut sekali gus menarik ramai pelancong tempatan dan asing ke destinasi itu sejak 1950-an sehingga ada yang sanggup bermalam di tepi pantai semata-mata untuk menunggu dan melihat sendiri penyu belimbing mendarat serta bertelur.

Kemerosotan pendaratan penyu belimbing di sini sedikit sebanyak berpunca daripada kebanjiran pengunjung selain



KAWASAN pantai di Rantau Abang, Dungun pernah menjadi tumpuan dunia sebagai lokasi pendaratan penyu belimbing, namun kini tidak lagi meriah kerana ketiadaan persarangan reptilia marin berkenaan. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

cahaya lampu yang menerangi dan mengganggu habitat haiwan berkenaan di pantai Laut Cina Selatan selain aktiviti mencuri telur penyu yang berleluasa.

Jumlah pendaratan penyu belimbing di lokasi berkenaan merosot drastik daripada kira-kira 10,000 sarang setahun kepada hanya 50 sarang sekitar tahun 1980-an, seolah-olah merajuk untuk kembali.

Berdasarkan statistik Jabatan Perikanan, hanya lapan sarang dikesan pada 2010 manakala dua sarang lagi pada 2017 termasuk salah satu daripadanya merupakan penyu belimbing se-

berat 400 kilogram yang meng-hadihkan 92 biji telur pada de-tik bersejarah 10 September.

Ketua Makmal Penyelidikan Luar, Unit Penyelidikan Penyu (Seatru), Institut Oseanografi dan Sekitaran Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr. Mohd. Uzair Rusli berkata, walaupun persarangan penyu belimbing di negara sudah tiada sejak beberapa tahun ini, namun spesies sama masih mendarat di sekitar Kepulauan Sumatera di Indonesia.

Bagaimanapun, katanya, penyu di negara jiran berkenaan berbeza subpopulasi dengan

yang bertelur di Rantau Abang.

"Terdapat tiga populasi utama penyu belimbing di dunia iaitu di Lautan Pasifik, Atlantik dan Hindi.

"Penyu di Rantau Abang dipercayai daripada Lautan Pasifik sekali gus membentuk populasi unik di Laut China Selatan dan hanya bertelur di Rantau Abang," katanya.

Mohd. Uzair berkata, subpopulasi itu hanya bertelur di jajaran pantai sepanjang tujuh kilometer di Rantau Abang dan tidak pernah dilaporkan dijumpai bertelur di pantai-pantai lain di sekitar Laut China Selatan.

PENDARATAN PENYU BELIMBING DI TERENGGANU 2010-2020

Tahun	Belimbing
2010	8
2011	0
2012	0
2013	0
2014	0
2015	0
2016	0
2017	2
2018	0
2019	0
2020	0
Jumlah	10

FAKTA PENYU BELIMBING

- » Tiga populasi utama penyu belimbing di dunia ialah di Lautan Pasifik, Atlantik dan Hindi.
- » Penyu di Rantau Abang dipercayai dari Lautan Pasifik dan hanya bertelur di jajaran pantai sepanjang tujuh kilometer di Rantau Abang.
- » Subpopulasi itu tidak pernah dilaporkan dijumpai bertelur di pantai-pantai lain di sekitar Laut China Selatan.
- » Penyu belimbing dianggap tidak lagi mampu menjalankan fungsi dalam ekologi seperti mengawan.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			21	22/03/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL				

Oleh Nor Amalina Alias
am@hmetro.com.my

Pasir Puteh

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menahan kapal tangki dan bot nelayan asing disyaki dari Thailand dan Vietnam serta merampas 100 kilogram (kg) gamat bernilai RM10,000. Khamis lalu.

Pengarah Maritim negeri, Kepten Maritim Muhd Nur Syam Asmawie Yaacob berkata, tangkapan pertama dilakukan Kapal Maritim (KM) Amanah ke atas kapal tangki Thailand pada jarak 110 batu nautika dari muara Tok Bali pada jam 8 pagi.

Sementara, bot kedua dari Vietnam ditahan pada jarak 45.1 batu nautika dari muara Tok Bali pada jam 12.30 tengah hari.

"Kita menggeledah bot pertama dan menahan lapan kru berusia antara 18 hingga 60 tahun manakala bot kedua dinaiki empat kru berusia antara 28 hingga 36 tahun termasuk seorang tekong serta 100kg gamat."

"APMM mengambil masa 33 jam untuk menanda kedua-dua bot ke jeti Maritim Kelantan," katanya ketika sidang media di jeti APMM Tok Bali di sini, semalam.



Pencuri gamat

APMM tahan 12 kru serta dua kapal disyaki dari Thailand dan Vietnam



Bot nelayan asing seolah-olah 'menyerah diri' kerana tiada pergelutan atau tindakan melarikan diri"

Muhd Nur Syam

kalan diesel seperti bot lain dan kita tengah siasat sekiranya mereka ini menjadi feeder yang menyalurkan diesel kepada bot nelayan asing lain dan aktiviti ini dilakukan di laut," katanya.

Beliau berkata, semua tahanan didakwa mengikut Akta Imigresen 1959/1963, Seksyen (6)(1)(c) yang membawa denda RM10,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali serta boleh dikenakan sebat tidak lebih enam kali jika sabit kesalahan.

Katanya, bagi kapal tangki, kes disiasat mengikut Seksyen 361(1) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

"Sementara, bot nelayan asing disiasat mengikut Seksyen (15)(1)(a) Akta Perikanan 1985 yang membawa hukuman denda RM6 juta kepada tekong dan RM600,000 setiap kru kerana menceroob perairan negara," katanya.

MUHD Nur Syam (dua dari kanan) melihat 12 kru warga asing yang ditahan secara berasingan kerana menceroob perairan negara menerusi Op Kuda Lari di Ibu Pejabat APMM Tok Bali, semalam.

Muhd Nur Syam berkata semua kru dan tekong yang ditahan tidak mempunyai dokumen pengenalan yang sah.

Katanya, rampasan kedua-dua bot vesel bersama minyak diesel dan 100kg gamat dianggarkan bernilai RM1.6 juta.

"Tidak seperti bot lain, kali ini bot nelayan asing seolah-olah 'menyerah diri' kerana tiada pergelutan atau tindakan melarikan diri, kita

hanya ambil masa 30 minit untuk menggeledah kawasan bot.

"Ini berkemungkinan mereka tidak mempunyai be-

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			6	22/03/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL				



CHE Sa'adon didenda RM5,000 kerana memalsukan dokumen membabitkan RM600.

Didenda RM5k tipu beli kerapu hibrid

Kuala Terengganu: Seorang bekas Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu (PPNT) didenda RM5,000 di Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana memalsukan dokumen bagi pembelian ikan kerapu hibrid.

Tertuduh, Che Sa'adon Che Yahya, 57, turut berdepan hukuman penjara lima bulan sekiranya dia gagal menelaskan denda berkenaan.

Hakim, Jamaludin Mat membuat keputusan itu selepas tertuduh didapati bersalah di akhir kes pembelaan apabila pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampau keraguan munasabah bagi pertuduhan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa dengan curangnya menggunakan dokumen sebagai tulin iaitu satu resit bertarikh pada 17 September 2016 bagi pembelian ikan kerapu hibrid bernilai RM600 yang mana dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen itu adalah palsu. Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di pejabat PBNT pada Septem-

ber 2016.

Dia yang didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan (KK) boleh dihukum mengikut Seksyen 465 KK yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Nurshafini Mustafha manakala tertuduh diwakili peguam, Muhammad Zulfaghar Al-Basysyar Sahrudin.

Terdahulu, tertuduh pada 7 Februari lalu dijatuhkan hukuman penjara 12 bulan dan denda RM10,000 atau enam bulan penjara sekiranya gagal menelaskan denda berkenaan di Mahkamah Sesyen kerana memalsukan invoices.

Tertuduh didapati bersalah memalsukan invoices pbaikan kenderaan pacuan empat roda Toyota Fortuner milik PPNT berjumlah RM1,120, sedangkan pembayaran dibuat untuk kenderaan pelbagai guna Toyota Wish miliknya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			26	22/03/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL					



Che Sa'adon didenda RM5,000 selepas didapati bersalah memalsukan dokumen bagi pembelian benih ikan kerapu hibrid di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu pada Ahad.

Bekas pengurus didenda palsu dokumen beli ikan kerapu hibrid

KUALA TERENGGANU - Seorang bekas Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Terengganu (PPNT) dijatuhi hukuman denda RM5,000 atau lima bulan penjara sekiranya gagal membayar denda oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Ahad berhubung pertuduhan memalsukan dokumen membabitkan RM600 untuk pembelian ikan kerapu hibrid.

Hakim Jamaludin Mat menjatuhkan hukuman itu selepas tertuduh, Che Sa'adon Che Yahya, 57, didapati bersalah apabila pihak pendakwa berjaya membuktikan kes

melampaui keraguan munasabah.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa dengan curangnya menggunakan dokumen sebagai tulin iaitu satu resit bertarikh 17 September 2016 bagi pembelian ikan kerapu hibrid berjumlah RM600 yang mana dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen tersebut adalah palsu.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di pejabat PPNT pada September 2016.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

(SPRM), Nurshafini Mustafha manakala tertuduh diwakili peguam, Muhammad Zulfakar Al-Basysyar Saharrudin.

Pada 7 Februari lalu, tertuduh dijatuhi hukuman penjara 12 bulan dan denda RM10,000 atau enam bulan penjara sekiranya gagal menjelaskan denda berkenaan apabila didapati bersalah memalsukan invoice pembaikan kenderaan Toyota Fortuner milik PPNT berjumlah RM1,140 sedangkan pembayaran dibuat untuk kenderaan pelbagai guna (MPV) Toyota Wish miliknya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		

Pesta timba ikan gamit nostalgia



Pesta menimba ikan darat di bendang Tok Ajam, Seling pada Sabtu.

Aktiviti sinonim dengan rakyat Kelantan setiap kali musim kemarau

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

PASIR PUTEH

Pesta menimba ikan darat yang diadakan sempena Hari Ladang Lembaga Kemajuan Pertanian Kembara (KADA) peringkat jajahan Pasir Putih di bendang Tok Ajam di sini pada Sabtu bukan sahaja sambutan penduduk terutama

golongan muda malah menggemit nostalgia silam.

Pesta tersebut bertujuan menghidupkan semula tradisi yang cukup sinonim dengan rakyat Kelantan setiap kali tiba banya musim kemarau.

Selain menangkap ikan, acara tradisi itu turut mengukuhkan lagi semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat menerusi aktiviti bergotong-royong ketika menimba ikan.

Antara ikan yang berjaya ditangkap menerusi aktiviti itu ialah ikan keli, sepat, haruan dan banyak lagi.

Seorang peserta, Mohd Alif Azwan Azmi, 17, berkata, dia cukup teruja dapat mengikuti program tersebut yang disifat-

kan sebagai pengalaman baharu buat dirinya.

"Walaupun penat dan kotor namun saya gembira dapat menjayakan program ini bersama rakan-rakan," katanya.

Menurutnya, sebagai generasi muda dia mahu aktiviti menimba ikan terus disuburkan bagi memastikan ia tidak luput ditelan zaman.

Mohd Alif Azwan berkata, program ini bukan sahaja mengukuhkan hubungan antara penduduk malah dapat memupuk kecintaan terhadap warisan rakyat Kelantan.

Katanya, aktiviti menimba ikan boleh dijadikan sebagai produk pelancongan di negeri itu.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI MALAYSIA GAZETTE		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

NGO ajak rakyat Malaysia doakan Covid-19 segera berakhir

By

Nizam Zain

-

5 December 2020



Pengasas Yayasan Winner Emperor Sedunia, Datuk Seri Liow Soon Hee (tengah) sedang melepaskan anak ikan keli di Sungai Langat, Banting, Selangor hari ini.

BANTING – Yayasan Winner Emperor Sedunia hari ini melepaskan sejuta anak ikan keli ke dalam Sungai Langat, di sini sebagai simbolik mendoakan kesihatan, kesejahteraan dan kebaikan kepada semua rakyat Malaysia yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

Pengasas Yayasan itu, Datuk Seri Liow Soon Hee berkata, mengikut kepercayaan orang Cina, dengan cara itu dapat membebaskan rakyat Malaysia daripada kesusahan yang dibawa oleh wabak membawa maut itu.

“Dengan adanya acara simbolik pelepasan sejuta anak ikan ini, kami ajak semua rakyat Malaysia berdoa mengikut agama masing-masing agar kesusahan yang dihadapi sekarang berakhir secepat mungkin.



“Kita memohon agar semua orang tanpa mengira agama, kaum dan bangsa keluar atau bebas daripada kesusahan seperti bebasnya ikan di dalam air sungai,” katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Terdahulu Soon Hee bersama pemimpin masyarakat setempat di sini menyempurnakan upacara pelepasan sejuta anak ikan keli ke dalam Sungai Langat di rumah ibadat Persatuan Penganut Nan Hai Guan Yin Sze, dekat sini.

Pengasas Yayasan Winner Emperor Sedunia, Datuk Seri Liow Soon Hee (dua kanan) menyerahkan sumbangan barang keperluan asas kepada 100 keluarga yang memerlukan di Banting, Selangor hari ini.

Bagi meluaskan mesej itu, pihaknya turut mengagihkan sumbangan barang keperluan asas kepada 100 keluarga berbilang kaum dan agama yang memerlukan dan tidak bernasib baik di sekitar kawasan itu.

Dalam pada itu, Soon Hee menyatakan komitmennya untuk membantu lebih ramai rakyat Malaysia yang terjejas dan kehilangan pekerjaan serta pendapatan akibat pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac lalu.

“Kita harap ekonomi Malaysia kembali pulih dan Covid-19 pula cepat berakhir dan dengan cara itu saya mampu meneruskan sumbangan ini pada bila-bila masa, tidak mengira bangsa dan agama mengikut kemampuan,” katanya lagi. – MalaysiaGazette